

15) SMART SEWA

Adun : Y.B. Tuan Noor Najhan Bin Mohamad Salleh (Sementa)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah Rumah Smart Sewa yang telah terbina sehingga kini di Parlimen Kapar mengikut DUN?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat tiga (3) unit Rumah Selangorku di bawah Skim Smart Sewa di dalam kawasan Parlimen Kapar di bawah DUN Sementa, iaitu Pangsapuri Jalan Keretapi Lama, manakala sebanyak 244 unit Rumah Selangorku di bawah Skim Smart Sewa siap sedia untuk disewakan kepada orang awam di Daerah Klang.

- b) Sejauh manakah pelaksanaan program ini dan permasalahan yang dihadapi?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 1178 unit Rumah Selangorku di bawah Skim Smart Sewa siap sedia untuk disewakan kepada orang awam dan dijangka sebanyak 217 unit lagi akan diterima pada tahun 2025. Cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri adalah mengenal pasti Rumah Selangorku bagi tujuan pembelian unit kediaman yang bersesuaian bagi memastikan setiap DUN mempunyai Skim Smart Sewa.